

# 160 anak yatim bertuah bersahur bersama Perdana Menteri

KEPALA BATAS 10 Okt. - Bersahur bagi 166 kanak-kanak penghuni Rumah Taman Bakti dekat sini malam tadi adalah yang paling istimewa dan akan menjadi kenangan abadi kerana orang yang mengejutkan mereka ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri memasuki bilik asrama rumah itu kira-kira pukul 12 tengah malam dan menuju ke katil kanak-kanak berkenaan lalu dengan mesra menyuruh mereka bangun bersahur.

Dalam keadaan terpinga-pinga, kanak-kanak berkenaan bangun dan terperanjat apabila melihat Perdana Menteri berdiri di sisi katil mereka.

Namun, perasaan itu bertukar gembira apabila diberitahu yang Perdana Menteri akan bersahur bersama-sama mereka pada program Singgah Sahur Perdana Menteri Bersama Kanak-Kanak Rumah Taman Bakti.

Selepas bersahur, Abdullah menyampaikan

sendiri hadiah duit raya kepada mereka.

Majlis anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang itu turut dihadiri oleh menteri berkenaan, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Turut menyertai majlis bersahur itu ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Pada majlis itu, Abdullah juga menyerahkan sumbangan RM786,000 hasil kutipan Malam Titarian Kasih pada Ogos lepas kepada pengurusan Rumah Tunas Bakti itu bagi tujuan pembinaan bangunan tambahan.

Bagi anak yatim, Mohd. Aziz Abdullan, 11, pengalaman dikejutkan Perdana Menteri untuk bangun sahur tidak akan dilupakannya sampai bila-bila.

"Perdana Menteri sangat baik hati kerana sudi bersahur bersama-sama kami malah beliau sendiri mengejutkan kami untuk sahur," ujarnya.